

SOALAN NO: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH: 9 JUN 2015

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah kadar gaji minimum yang diguna pakai sekarang masih lagi relevan dengan kos sara hidup yang dihadapi oleh sebilangan besar pekerja berpendapatan rendah terutamanya setelah penguatkuasaan GST.

PR-1332-L67830

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, proses Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam

tempoh 2 tahun. Kajian yang dilaksanakan oleh pihak JTPGN telah mengambilkira peningkatan kos sara hidup rakyat. Susulan daripada itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pihak MPGN melalui Kementerian Sumber Manusia akan membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada Kerajaan untuk dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

2. Cadangan kenaikan gaji kepada pekerja supaya sejajar dengan pelaksanaan GST adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing kerana secara amalnya, kebanyakan majikan di Malaysia telah bersetuju dengan pekerja-pekerja berhubung terma-terma kenaikan gaji di dalam kontrak perkhidmatan atau Perjanjian Kolektif mereka. Kementerian sentiasa mengalu-alukan inisiatif majikan untuk memberikan kenaikan gaji yang munasabah untuk memotivasikan pekerja dalam mengharungi kenaikan kos sara hidup.